



**PERLEMBAGAAN
GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA
(Pindaan 1/2009)**

BERSATU – BELAJAR – BEKERJA – BERKHIDMAT

DITERBITKAN OLEH:

GERAKAN BELIA 4B NEGERI PERLIS

BERTARIKH:

26 NOVEMBER 2015

ISI KANDUNGAN

Bab	Perkara	Mukasurat
	PETUNJUK PINDAAN	3
1.	NAMA	4
2.	ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN	4
3.	COGANKATA DAN SERUAN	4
4.	IKRAR	4
5.	LAMBANG DAN BENDERA	4
6.	TUJUAN	5
7.	KEAHLIAN	6
8.	PENDAFTARAN KEAHLIAN	6
9.	TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI	7
10.	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN	8
11.	PENGERUSI TETAP	8
12.	PERHIMPUNAN AGUNG	9
13.	PERHIMPUNAN AGUNG KHAS	10
14.	MAJLIS KERJA TERTINGGI	10
15.	KEWAJIPAN DAN KUASA MAJLIS KERJA TERTINGGI	11
16.	TUGAS AHLI-AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI	12
17.	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN NEGERI	14
18.	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN NEGERI	14
19.	MESYUARAT AGUNG KHAS NEGERI	15
20.	JAWATANKUASA KERJA NEGERI	16
21.	KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA NEGERI	17
22.	TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA NEGERI	18
23.	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN KAWASAN	19
24.	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KAWASAN	19
25.	MESYUARAT AGUNG KHAS KAWASAN	21
26.	JAWATANKUASA KERJA KAWASAN	21
27.	KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA KAWASAN	22
28.	TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA KAWASAN	23
29.	SUSUNAN PENTADBIRAN CAWANGAN	24
30.	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN	24
31.	MESYUARAT AGUNG KHAS CAWANGAN	25
32.	JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN	26
33.	KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN	27
34.	TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN	27
35.	PEMEGANG AMANAH DAN HARTA BENDA	29
36.	LEMBAGA PENASIHAT	29

Bab	Perkara	Mukasurat
37	DISIPLIN	30
38	KAD AHLI	30
39	PUNCA PENDAPATAN	30
40	YURAN	30
41	CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG	31
42	JURUAUDIT	32
43	PERATURAN MESYUARAT	33
44	PERTIKAIAN DALAMAN	33
45	LARANGAN	33
46	MEMINDA PERLEMBAGAAN	34
47	KUASA SEMENTARA MENGELOLAKAN BELIA 4B	34
48	PUNGGUTAN SUARA	34
49	PEMBUBARAN	34
50	TAFSIRAN	35

PETUNJUK PINDAAN

ASAL	PINDAAN
Fasal 14.2	Mewujudkan jawatan Penolong Setiausaha Agung.
Fasal 14.2.8.1	Tidak lebih daripada dua belas (12) orang yang dipilih dalam Perhimpunan Agung.
Fasal 14.2.8.2	Tidak lebih daripada enam (6) orang yang dilantik oleh Presiden.
Fasal 20.2	Mewujudkan jawatan Penolong Setiausaha .
Fasal 20.2.8.1	Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Perwakilan.
Fasal 20.2.8.2	Tidak lebih daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Pengerusi Negeri.
Fasal 22	Tugas Penolong Setiausaha.
Fasal 26.2	Mewujudkan jawatan Penolong Setiausaha .
Fasal 26.2.7.1	Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Perwakilan.
Fasal 26.2.7.2	Tidak lebih daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Pengerusi Kawasan.
Fasal 28	Tugas Penolong Setiausaha.
Fasal 32.2	Mewujudkan jawatan Penolong Setiausaha .
Fasal 32.2.7.1	Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.
Fasal 32.2.7.2	Tidak lebih daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Ketua Cawangan.
Fasal 34	Tugas Penolong Setiausaha.
Fasal 29.2	Belia 4B Cawangan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 30 orang ahli.
Umum	Mencadangkan supaya semua ejaan ‘Pasal’ ditukar kepada ‘Fasal’.
Umum	Membetulkan semua kesilapan ejaan dalam Perlembagaan

Fasal	Perkara
1.	<p>NAMA</p> <p>Pertubuhan ini dinamakan 'GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA' terdiri daripada 14 negeri termasuk Wilayah Persekutuan atau nama ringkasnya "BELIA 4B".</p>
2.	<p>ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN</p> <p>2.1 Alamat Pos Berdaftar No. 525, Jalan Persekutuan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur.</p> <p>2.2 Alamat Urusan Berdaftar No. 525, Jalan Persekutuan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur.</p> <p>2.3 Alamat pos berdaftar dan alamat urusan berdaftar ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Majlis Kerja Tertinggi dan hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar Pertubuhan Belia.</p>
3.	<p>COGANKATA DAN SERUAN</p> <p>3.1 Cogan Kata ialah: 'BERSATU - BELAJAR - BEKERJA - BERKHIDMAT'</p> <p>3.2 Seruan ialah: 'BERGERAK'</p>
4.	<p>IKRAR</p> <p>Ikrar Belia 4B ini ialah seperti berikut:-</p> <p>Bahawa saya berikrar Bersatu untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara, Belajar untuk memperolehi ilmu yang berguna, Bekerja untuk penghidupan yang sempurna Berkhidmat untuk Belia 4B, Agama, Bangsa dan Negara.</p>
5.	<p>LAMBANG DAN BENDERA</p>  <p>5.1 Lambang ialah perisai latar belakang berwarna hijau dengan pecahan bintang 14 negeri Malaysia berwarna putih serta perkataan '4B' berwarna merah ditengah-tengahnya dan dilengkapi oleh dua tangkai padi masak berwarna kuning emas.</p>

Fasal	Perkara
	 <p>5.2 Bendera Belia 4B ini ialah berwarna merah di sebelah bawah dan putih di sebelah atas dengan lambang terletak di penjuru sebelah kiri meliputi satu perempat daripada bendera.</p>
6.	<p>TUJUAN</p> <p>Tujuan-tujuan Belia 4B ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> 6.1. Menyatui, menyusun dan mengembelng tenaga belia untuk mengambil peranan positif dalam pembangunan Negara dan untuk menegakkan masyarakat yang adil; 6.2. Memberi pendidikan rohani dan jasmani; 6.3. Melatih ahli-ahli mengambil bahagian yang sepenuhnya demi kepentingan Belia 4B, Agama, Bangsa dan Negara; 6.4. Menegakkan dan menganjurkan pengkajian, latihan dan bimbingan untuk belia-belia dalam semua bidang kemahiran dan pengetahuan; 6.5. Memaju dan mengukuhkan kedudukan ekonomi ahli-ahli untuk mewujudkan masyarakat yang lebih makmur; 6.6. Menaja dan memimpin usaha-usaha berkhidmat yang tulen berdasarkan rasa tanggungjawab dan keikhlasan; 6.7. Menggalakkan ahli-ahli bergerak ke arah kehidupan yang sempurna berdasarkan kehormatan diri, sifat berdikari dan berdisiplin; 6.8. Berusaha untuk memelihara, memperkembangkan dan mempertahankan keutuhan Bahasa Melayu dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu; 6.9. Bekerjasama dengan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang sehaluan dengan kehendak-kehendak, tujuan dan perjuangan Belia 4B; 6.10. Memajukan sokongan kepada kerajaan dan kepada badan-badan lain yang sesuai; 6.11. Berusaha mempertahankan, menegak dan memperkembangkan agama Islam, agama rasmi negara.

Fasal	Perkara
7.	<p>KEAHLIAN</p> <p>7.1 Syarat-syarat untuk menjadi ahli adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 7.1.1 Warganegara Malaysia; 7.1.2 Berumur tidak kurang 15 tahun dan tidak melebihi 40 tahun; 7.1.3 Tidak menjadi ahli atau memegang jawatan dalam sebarang pertubuhan belia lain; 7.1.4 Sanggup mematuhi peraturan atau perlembagaan ini setiap masa. <p>7.2 Seseorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak boleh diterima menjadi ahli pertubuhan belia ini kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis oleh naib canselor universiti atau kolej universiti berkenaan.</p>
8.	<p>PENDAFTARAN KEAHLIAN</p> <p>8.1. Permohonan mendaftar menjadi ahli hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Cawangan yang dikehendaki menerima dan meluluskan permohonan tersebut;</p> <p>8.2. Borang permohonan menjadi ahli hendaklah ditandatangani oleh pemohon dan diserahkan kepada setiausaha dimana ia memohon menjadi ahli dan hendaklah disertakan dengan wang pendaftaran dan yuran mengikut Fasal 40.1. Perlembagaan ini;</p> <p>8.3. Setiausaha Cawangan hendaklah membawa segala permintaan menjadi ahli kepada Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dengan seberapa segera, atau dengan di pekelilingkan kepada Ahli - ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan itu;</p> <p>8.4. Jawatankuasa Cawangan hendaklah menimbangkan segala permintaan menjadi ahli dan memutuskan samada diterima atau ditolak atau ditangguhkan timbangan sesuatu permintaan itu dengan tidak memberi apa-apa sebab atas keputusannya itu;</p> <p>8.5. Seseorang yang permintaannya hendak menjadi ahli yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Cawangan bolehlah merayu kepada jawatankuasa kawasan, Seseorang yang permintaannya hendak menjadi ahli yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Kawasan bolehlah merayu kepada Jawatankuasa Negeri, Seseorang yang permintaannya hendak menjadi ahli yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Negeri bolehlah merayu kepada Majlis Kerja Tertinggi.</p> <p>8.6. Majlis Kerja Tertinggi berhak membuat apa-apa keputusan atas mana-mana permohonan menjadi ahli atau taraf sesuatu pendaftaran itu termasuk menarik balik pendaftaran dan keputusan itu adalah muktamad.</p> <p>8.7. Seseorang yang dipecat atau menarik diri daripada menjadi ahli tidak boleh diterima kembali menjadi ahli melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Kerja Tertinggi.</p>

Fasal	Perkara
	<p>8.8. Tiap-tiap permohonan apabila telah diluluskan dan bayaran masuk dan yuran tahunannya yang pertama telah dijelaskan, maka nama pemohon hendaklah didaftarkan oleh Setiausaha Cawangan, Kawasan, Negeri dan Kebangsaan dalam buku daftar ahli sebagai seorang ahli.</p> <p>8.9. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menetapkan peraturan menjadi ahli, wang pendaftaran dan yuran ahli.</p>
9.	<p>TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI</p> <p>9.1 Memegang teguh konsep Belia 4B dan melaksanakan tujuan-tujuannya;</p> <p>9.2 Mematuhi perintah-perintah dan disiplin Belia 4B;</p> <p>9.3 Menjaga rahsia-rahsia dan memelihara nama baik Belia 4B;</p> <p>9.4 Membayar yuran-yuran Belia 4B dengan menepati waktu;</p> <p>9.5 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh Negara;</p> <p>9.6 Memberitahu Setiausaha Cawangan segera apabila pindah atau bertukar alamat;</p> <p>9.7 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam kegiatan Belia 4B;</p> <p>9.8 Berkelakuan baik apabila menghadiri mesyuarat Belia 4B, jika tidak ia akan disuruh keluar oleh Pegawai yang bertanggungjawab dan menggunakan harta benda Belia 4B dengan baik dan cermat;</p> <p>9.9 Berhak bercakap dan mengemukakan pendapat-pendapat dan mengundi didalam mesyuarat-mesyuarat Belia 4B;</p> <p>9.10 Berhak memilih dan dipilih untuk memegang jawatan dalam Belia 4B;</p> <p>9.11 Seseorang ahli tidak boleh menjadi ahli jawatankuasa lebih daripada sebuah cawangan, kawasan atau negeri melainkan kebenaran Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>9.12 Tidak boleh menerbitkan sebarang surat keterangan atau Surat Pekeliling Belia 4B melainkan jika surat keterangan atau surat pekeliling itu telah diluluskan oleh Majlis Kerja Tertinggi dan tidak boleh mengumumkan sesuatu perkara Belia 4B kepada orang yang bukan ahli atau kepada lain-lain pertubuhan atau surat khabar dengan tiada kebenaran yang tersebut.</p>

Fasal	Perkara
10.	<p>SUSUNAN DAN PENTADBIRAN</p> <p>Bentuk susunan Pentadbiran dan pembahagian kuasa adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 10.1. Kebangsaan - Perhimpunan Agung atau waktu ketiadaannya, Majlis Kerja Tertinggi. 10.2. Negeri - Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Kerja Negeri. 10.3. Kawasan - Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Kerja Kawasan. 10.4. Cawangan - Mesyuarat Agung Cawangan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Kerja Cawangan.
11.	<p>PENGERUSI TETAP</p> <ul style="list-style-type: none"> 11.1. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah dipilih tiga tahun sekali di dalam Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan Dan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Bagi peringkat negeri, kawasan dan cawangan, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi itu terdiri daripada ahli-ahli dalam negeri, kawasan dan cawangan berkenaan; 11.2. Perhimpunan Agung di dalam persidangannya berkuasa memberhentikan pengerusi tetap dan timbalan pengerusi tetap dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada bilangan ahli yang hadir dan berkuasa memilih pengantinya; 11.3. Pengerusi Tetap yang dipilih di bawah Fasal 11.1. di atas ini hendaklah menjadi Pengerusi Tetap dalam sebarang persidangan melainkan jika Pengerusi Tetap itu tidak hadir maka Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah mengambil tempatnya ataupun bolehlah mereka bergilir-gilir mempengerusikan mesyuarat yang sama dan sekiranya kedua-dua Pengerusi Dan Timbalan Pengerusi Tetap tidak hadir maka Setiausaha berkuasa menjalankan persidangan itu sahaja dan Pengerusi tidaklah hilang haknya untuk mengundi sebagai wakil; 11.4. Jika kedua-dua Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap berhenti serentak maka Setiausaha hendaklah menjalankan persidangan itu bagi memilih Pengerusi Tetap Dan Timbalan Pengerusi Tetap yang baru. Kedua-duanya akan memegang jawatan itu selama tempoh yang ditetapkan dalam Fasal 11.1 di atas. jika salah seorang daripadanya berhenti maka persidangan hendaklah memilih pengantinya. 11.5. Pengerusi Persidangan boleh memutuskan sesuatu apabila undi terbahagi sama banyak.

Fasal	Perkara
12.	<p>PERHIMPUNAN AGUNG</p> <p>12.1. Perhimpunan Agung diadakan pada tiap-tiap tahun tidak lewat dari bulan Ogos, tetapi dengan kehendak Presiden bolehlah didahulukan atau pun ditangguhkan kepada masa lain dengan kelulusan Pendaftar.</p> <p>12.2. Perhimpunan Agung hendaklah terdiri daripada :-</p> <ul style="list-style-type: none"> 12.2.1. Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap; 12.2.2. Ahli Majlis Kerja Tertinggi; 12.2.3. Wakil-wakil Negeri yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri mengikut kadar 3 orang wakil untuk tiap-tiap kawasan dalam negeri berkenaan yang telah menjalankan Mesyuarat Agung Perwakilannya; 12.3.4. Ketua Pengarah Belia dan Sukan Negara atau wakilnya; <p>12.3. Notis Perhimpunan Agung, Agenda, Laporan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Negeri sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat. Segala usul-usul dan cadangan-cadangan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung selewat-lewat empat belas (14) hari dari tarikh perhimpunan.</p> <p>12.4. Korum Perhimpunan Agung hendaklah tidak kurang Satu pertiga (1/3) daripada bilangan perwakilan yang sepatutnya hadir. Sekiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan Perhimpunan itu kepada satu masa lain yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dan jika kemudian korum masih tidak mencukupi juga apabila mesyuarat semula diadakan, ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan perhimpunan seperti yang telah ditetapkan tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan ini.</p> <p>12.5. Agenda Perhimpunan Agung mengandungi antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> 12.5.1. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan yang lalu; 12.5.2. Menerima dan mengesahkan Laporan Majlis Kerja Tertinggi berkenaan aktiviti dalam sepanjang tahun; 12.5.3. Menerima dan mengesahkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu; 12.5.4. Membincangkan hal-hal yang dibentangkan didalam Perhimpunan Agung Tahunan; 12.5.5. Memilih Ahli Majlis Kerja Tertinggi, Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap dan dua (2) orang Juruaudit Dalaman; tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. <p>12.6. Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan satu salinan rangka minit perhimpunan kepada Setiausaha Negeri selepas Perhimpunan Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perhimpunan Agung diadakan.</p>

Fasal	Perkara
13.	<p>PERHIMPUNAN AGUNG KHAS</p> <p>13.1. Perhimpunan Agung Khas yang sama seperti Perhimpunan bolehlah diadakan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:-</p> <p>13.1.1. Apabila difikirkan mustahak oleh Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>13.1.2. Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya 6 buah negeri, setelah mengadakan Mesyuarat Agung Khas dalam perkara yang sama dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya. Perhimpunan hendaklah diadakan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada diterima permintaan tersebut.</p> <p>13.2. Notis dan Agenda Perhimpunan Agung Khas hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Kerja Negeri empat belas (14) hari sebelum tarikh Perhimpunan, perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam Perhimpunan.</p> <p>13.3. Peraturan Fasal 12.2. dan 12.4 adalah dipakai untuk menjalankan Perhimpunan Agung Khas ini, akan tetapi jika ditangguhkan kerana tidak cukup korum, dan korum tidak juga mencukupi apabila mesyuarat semula diadakan, maka Perhimpunan hendaklah dibatalkan.</p> <p>13.4. Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Negeri satu salinan rangka minit Perhimpunan Agung Khas dengan segera selesai perhimpunan itu.</p>
14.	<p>MAJLIS KERJA TERTINGGI</p> <p>14.1 Majlis Kerja Tertinggi adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal ehwal Belia 4B dibawah kekuasaan dan perintah Perhimpunan Agung, dan Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Perhimpunan Agung pada masa ketiadaannya, tetapi segala langkahnya hendaklah dimaklumkan kepada Perhimpunan Agung.</p> <p>14.2 Majlis Kerja Tertinggi adalah mengandungi:</p> <p>14.2.1 Seorang Presiden;</p> <p>14.2.2 Seorang Timbalan Presiden;</p> <p>14.2.3 Dua (2) orang Naib Presiden;</p> <p>14.2.4 Seorang Naib Presiden Wanita;</p> <p>14.2.5 Seorang Setiausaha Agung;</p> <p>14.2.6 Seorang Penolong Setiausaha Agung;</p> <p>14.2.7 Seorang Bendahari Agung;</p> <p>14.2.8 Seorang Ketua Penerangan;</p> <p>14.2.9 Ahli-Ahli Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>14.2.9.1 Tidak lebih daripada dua belas (12) orang yang dipilih dalam Perhimpunan Agung;</p>

Fasal	Perkara
	<p>14.2.9.2 Tidak lebih daripada enam (6) orang yang dilantik oleh Presiden;</p> <p>14.2.9.3 Pengurus Belia 4B Negeri. Jika Pengurus memegang jawatan Majlis Kerja Tertinggi, maka akan diganti oleh Timbalannya;</p> <p>14.3. Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan tidak lebih enam (6) orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi adalah dilantik oleh Presiden dan akan memegang jawatan selama tempoh Majlis Kerja Tertinggi kecuali ia meminta berhenti atau diberhentikan;</p> <p>14.4. Majlis Kerja Tertinggi hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan, atau</p> <p> 14.4.1. Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Presiden,</p> <p> 14.4.2. Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.</p> <p>14.5. Panggilan Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi akan diuruskan oleh Setiausaha Agung. Satu perdua (1/2) daripada ahli-ahlinya hadir cukup korum;</p> <p>14.6. Jika Presiden, Timbalan Presiden dan Naib-naib Presiden tidak hadir dalam mesyuarat, maka ahli-ahlinya yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripadanya menjadi pengurus mesyuarat</p> <p>14.7. Apabila sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan Majlis Kerja Tertinggi dengan serta-merta dan tidak dapat diadakan mesyuarat, maka bolehlah Setiausaha Agung dengan persetujuan Presiden mendapat keputusan dengan mengedarkan Surat Pekeliling kepada Ahli-Ahli Majlis Kerja Tertinggi dan dicatatkan segala keputusan dalam minit mesyuarat.</p> <p>14.8. Seseorang yang akan bertanding Ahli Majlis Kerja Tertinggi hendaklah telah berkhidmat dengan Belia 4B ini dimana-mana peringkat sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan mendapat pencalonan sekurang-kurangnya dari tiga (3) negeri yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilannya.</p>
15.	<p>KEWAJIPAN DAN KUASA MAJLIS KERJA TERTINGGI</p> <p>15.1. Membentuk asas, dasar dan perancangan dalam pelaksanaan Fasal 6 dalam perlembagaan ini.</p> <p>15.2. Berkuasa menubuahkan Belia 4B Negeri dan Wilayah Persekutuan, Kawasan di tiap-tiap kawasan Parlimen Dewan Rakyat dan peringkat Cawangan-cawangan dan mengawal dan meyesuaikan perjalannya mengikut perlembagaan ini.</p> <p>15.3. Berkuasa mengantung jawatankuasa 4B Negeri, Kawasan dan Cawangan, jika didapati perjalanan sesuatu Belia 4B negeri, kawasan dan cawangan itu bertentangan dengan perlembagaan ini;</p> <p>15.4. Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil tertentu untuk mengemaskini perjalanan Belia 4B.</p> <p>15.5. Membentangkan kepada Perhimpunan Agung satu laporan lengkap bagi menerangkan prestasi serta penyata kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.</p>

Fasal	Perkara
	<p>15.6. Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan semua peringkat dan memutuskan segala rayuan samada daripada ahli-ahli atau ahli jawatankuasa setelah diminta oleh negeri-negeri atau kawasan-kawasan atau cawangan-cawangan.</p> <p>15.7. Membuat Peraturan-Peraturan Tetap berkenaan dengan penubuhan persatuan, tata tertib ahli-ahli mesyuarat dan Perhimpunan Agung dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi melaksanakan tujuan-tujuan Belia 4B dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan perlombagaan ini.</p> <p>15.8. Memutuskan rayuan-rayuan seseorang yang telah ditolak oleh jawatankuasa kerja negeri atas permintaannya hendak menjadi ahli.</p> <p>15.9. Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan perlombagaan ini.</p> <p>15.10. Memilih ahli-ahli bagi mewakili Belia 4B di dalam sebarang kumpulan atau jemaah majlis mesyuarat dan sebagainya.</p> <p>15.11. Memberhentikan seorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi selain daripada Presiden dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah Ahli Majlis Kerja Tertinggi, sekiranya tindakan mereka bertentangan dengan dasar Belia 4B atau mereka tidak menjalankan kewajipan masing-masing dengan sempurna dan jawatan tersebut tidak boleh diganti.</p> <p>15.12. Memberi kebenaran bertulis kepada seseorang ahli yang telah dipecat atau menarik diri daripada Belia 4B untuk diterima semula.</p> <p>15.13. Menjalankan sebarang pekerjaan atau apa jua langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan Belia 4B.</p> <p>15.14. Keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Perhimpunan Agung.</p>
16.	<p>TUGAS AHLI-AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI</p> <p>16.1. Presiden</p> <p>16.1.1. Menjadi ketua Belia 4B yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan dan pentadbiran Belia 4B seluruhnya;</p> <p>16.1.2. Melantik dan Menggugurkan Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan enam (6) orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>16.1.3. Memanggil dan mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>16.1.4. Menandatangani cek-cek bersama dengan Bendahari Agung;</p> <p>16.1.5. Mengumumkan sesuatu perkara Belia 4B kepada orang bukan ahli atau kepada lain-lain Pertubuhan atau mana-mana sebaran am;</p> <p>16.1.6. Mewakili Majlis Kerja Tertinggi dalam Lembaga Penasihat.</p> <p>16.1. Timbalan Presidebn</p>

Fasal	Perkara
	<p>16.2.1. Menjalankan tugas Presiden semasa ketiadaan Presiden;</p> <p>16.2.2. Membantu Presiden melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus pertubuhan.</p> <p>16.3. Naib Presiden</p> <p>16.3.1. Menjalankan tugas Presiden semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden;</p> <p>16.3.2. Membantu Presiden melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus pertubuhan.</p> <p>16.4. Naib Presiden Wanita</p> <p>16.4.1. Membantu tugas-tugas Presiden dalam hal ehwal wanita.</p> <p>16.4.2. Menyelaras kegiatan wanita disemua peringkat</p> <p>16.5. Setiausaha Agung</p> <p>16.5.1. Bertanggungjawab kepada Presiden</p> <p>16.5.2. Melaporkan kepada presiden segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan Ibu Pejabat;</p> <p>16.5.3. Mendapat persetujuan daripada Presiden berkenaan dengan pengambilan dan pemberhentian pegawai-pegawai dan anggota-anggota Ibu Pejabat dan mengawal kerja-kerjanya;</p> <p>16.5.4. Mengendalikan urusan surat-menyurat, penyimpanan rekod, fail, dokumen-dokumen dan lain-lainnya dengan teratur;</p> <p>16.5.5. Mengemaskini daftar ahli;</p> <p>16.5.6. Mengurus panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Presiden serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;</p> <p>16.5.7. Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan laporan Perhimpunan Agung Tahunan;</p> <p>16.5.8. Menjadi Setiausaha kepada Majlis Lembaga Penasihat;</p> <p>16.5.9. Mengemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam tempoh 60 hari selepas Perhimpunan Agung atau sekiranya tiada Perhimpunan Agung, 60 hari selepasnya berakhirnya setiap tahun kalender, Penyata Tahunan seperti yang diperuntukan dibawah seksyen 22, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.</p> <p>16.6. Penolong Setiausaha Agung</p> <p>16.6.1. Membantu Setiausaha Agung menjalankan tugasnya;</p> <p>16.6.2. Memangku jawatan Setiausaha Agung dalam masa ketiadaannya.</p>

Fasal	Perkara
	<p>16.7. Bendahari Agung</p> <p>16.7.1. Menguruskan hal berkaitan kewangan;</p> <p>16.7.2. Mengemaskini semua rekod kewangan;</p> <p>16.7.3. Menandatangani segala cek-cek Belia 4B bersama-sama dengan Presiden;</p> <p>16.7.4. Menyedia dan membentangkan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi dan Perhimpunan Agung.</p> <p>16.8. Ketua Penerangan</p> <p>16.8.1. Bertanggungjawab dalam kegiatan penerangan dan melaporkan kepada Presiden dan Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>16.8.2. Mentadbir Jabatan Penerangan di Ibu Pejabat dan menyusun kerja-kerja di dalam Jabatan itu;</p> <p>16.9. Ahli Majlis Kerja Tertinggi</p> <p>16.9.1. Bertanggungjawab membantu Majlis Kerja Tertinggi melaksanakan tugas yang ditentukan.</p>
17.	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN NEGERI
	<p>17.1. Belia 4B Negeri hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan;</p> <p>17.2. Penubuhan Belia 4B Negeri hendaklah dengan persetujuan dan kebenaran Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>17.3. Pentadbiran Belia 4B Negeri adalah di bawah kekuasaan dan arahan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri tetapi Mesyuarat Agung Perwakilan itu sendiri tertakluk di bawah Perlembagaan ini;</p>
18.	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN NEGERI
	<p>18.1. Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri diadakan tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 30 Jun; tetapi dengan kehendak Pengerusi Negeri dan kebenaran Majlis Kerja tertinggi, bolehlah didahulukan atau ditangguhkan kepada masa lain selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum Perhimpunan Agung diadakan.</p> <p>18.2. Mesyuarat Agung Perwakilan terdiri daripada:-</p> <p>18.2.1. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap;</p> <p>18.2.2. Jawatankuasa Kerja Negeri;</p> <p>18.2.3. Tidak lebih 10 orang Wakil Kawasan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilannya;</p> <p>18.2.4. Seorang Wakil Ahli Majlis Kerja Tertinggi.</p>

Fasal	Perkara
	<p>18.3. Notis Mesyuarat Agung Perwakilan, Agenda, Laporan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kawasan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh persidangan. Segala usul-usul dan cadangan-cadangan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Negeri selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh persidangan.</p> <p>18.4. Korum Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri hendaklah tidak kurang Satu pertiga (1/3) daripada bilangan perwakilan yang sepatutnya hadir. Sekiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan persidangan itu kepada satu masa lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Negeri dan jika kemudian korum masih tidak mencukupi juga apabila mersyuarat semula diadakan, ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan persidangan seperti yang telah ditetapkan tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan ini.</p> <p>18.5. Setiausaha Negeri hendaklah menyediakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia dan dihantar kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari persidangan diadakan.</p> <p>18.6. Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan mengandungi antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> 18.6.1. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang lalu; 18.6.2. Menerima dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kerja / Jawatankuasa Gerak berkenaan aktiviti dalam sepanjang tahun; 18.6.3. Menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu. 18.6.4. Membincangkan hal-hal yang dibentangkan didalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan; 18.6.5. Memilih wakil ke Perhimpunan Agung atas kadar tiga (3) orang wakil bagi tiap-tiap kawasan yang telah menjalankan Mesyuarat Agung Perwakilannya. Wakil yang tidak hadir dalam mesyuarat tidak boleh dipilih. 18.6.6. Memilih Jawatankuasa Kerja Negeri, Pengurus Tetap dan Timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit Dalaman; tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. 18.6.7. Mencadangkan calun-calun untuk Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi; Pengurus Tetap dan Timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit Dalaman; tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
19.	<p>MESYUARAT AGUNG KHAS NEGERI</p> <p>19.1. Mesyuarat Agung Khas Negeri yang sama seperti Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri bolehlah diadakan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 19.1.1. Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada ahli Jawatankuasa Kerja Negeri; 19.1.2. Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) jumlah Kawasan bagi Negeri berkenaan yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas

Fasal	Perkara
	<p>dalam perkara yang sama dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya. Persidangan hendaklah diadakan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada diterima permintaan tersebut.</p> <p>19.2. Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Kawasan tujuh (7) hari sebelum tarikh persidangan, perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam persidangan.</p> <p>19.3. Fasal 18.4. adalah dipakai untuk menjalankan Mesyuarat Agung Khas ini, akan tetapi jika ditangguhkan kerana tidak cukup korum dan korum tidak juga mencukupi apabila mesyuarat semula diadakan, maka mesyuarat hendaklah dibatalkan.</p> <p>19.4. Setiausaha Negeri hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Kawasan satu salinan rangka minit Mesyuarat Agung Khas segera setelah selesai persidangan itu.</p>
20.	<p>JAWATANKUASA KERJA NEGERI</p> <p>20.1. Jawatankuasa Kerja Negeri adalah badan yang menjalankan pentadbiran dan hal ehwal Belia 4B Negeri dibawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan tertakluk kepada Perlembagaan ini.</p> <p>20.2. Jawatankuasa Kerja Negeri adalah mengandungi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 20.2.1. Seorang Pengerusi 20.2.2. Seorang Timbalan Pengerusi 20.2.3. Seorang Naib Pengerusi 20.2.4. Seorang Naib Pengerusi Wanita 20.2.5. Seorang Setiausaha 20.2.6. Seorang Penolong Setiausaha 20.2.7. Seorang Bendahari 20.2.8. Seorang Ketua Penerangan 20.2.9. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada:- <ul style="list-style-type: none"> 20.2.8.1. Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan, 20.2.8.2. Tidak lebih daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Pengerusi. 20.2.8.3. Pengerusi kawasan. Jika Pengerusi Kawasan memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri, maka akan diganti oleh Timbalannya, <p>20.3. Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan tidak lebih lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Kerja dilantik oleh Pengerusi dan akan memegang jawatan selama tempoh Jawatankuasa Kerja Negeri kecuali ia meminta berhenti atau diberhentikan;</p> <p>20.4. Jawatankuasa Kerja Negeri hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan, atau</p> <ul style="list-style-type: none"> 20.4.1. Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pengerusi,

Fasal	Perkara
	<p>20.4.2. Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Negeri.</p> <p>20.5. Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Negeri akan diuruskan oleh Setiausaha Negeri. Satu perdua (1/2) daripada ahli-ahlinya hadir cukup korum;</p> <p>20.6. Jika Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Naib Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat, maka ahli-ahlinya yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripadanya menjadi pengerusi mesyuarat;</p> <p>20.7. Apabila sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan jawatankuasa dengan serta-merta dan tidak dapat diadakan mesyuarat, maka bolehlah Setiausaha dengan persetujuan Pengerusi mendapat keputusan dengan mengedarkan Surat Pekeliling kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan dicatatkan segala keputusan dalam minit mesyuarat;</p> <p>20.8. Ahli-ahli yang akan bertanding Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri hendaklah mendapatkan pencalonan sekurang-kurangnya dari dua (2) kawasan yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilannya.</p>
21.	<p>KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA NEGERI</p> <p>Kewajipan-kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Kerja Belia 4B Negeri adalah seperti berikut:-</p> <p>21.1. Membentuk asas, dasar dan rancangan dalam perlaksanaan Fasal 6 dalam Perlembagaan.</p> <p>21.2. Mengiktiraf penubuhan Belia 4B kawasan dan menyesuaikan perjalanananya mengikut Perlembagaan, memerhati serta mengawal perjalanan kawasan.</p> <p>21.3. Jawatankuasa Kerja Negeri berkuasa mengantung keahlian Belia 4B kawasan.</p> <p>21.4. Berkuasa melantik jawatankuasa kecil untuk mengemaskini perjalanan Belia 4B Negeri.</p> <p>21.5. Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan Belia 4B Negeri termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.</p> <p>21.6. Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan persatuan dan memutuskan segala rayuan samada daripada Ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa Kerja setelah diminta oleh kawasan.</p> <p>21.7. Menjalankan usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan perlembagaan ini.</p> <p>21.8. Memilih ahli-ahli bagi mewakili Belia 4B di dalam sebarang kumpulan atau jemaah atau majlis mesyuarat dan sebagainya.</p>
22.	<p>TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA NEGERI</p> <p>22.1. Pengerusi</p>

Fasal	Perkara
	<p>22.1.1. Menjadi Ketua yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan dan pentadbiran Belia 4B Negeri;</p> <p>22.1.2. Melantik dan menggugurkan Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Kerja;</p> <p>22.1.3. Memanggil dan mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa;</p> <p>22.1.4. Menandatangani cek-cek bersama dengan Bendahari;</p> <p>22.1.5. Mewakili Jawatankuasa Kerja Negeri dalam Majlis Lembaga Penasihat.</p> <p>22.2. Timbalan Pengerusi</p> <p>22.2.1. Menjalankan tugas Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi;</p> <p>22.2.2. Membantu Pengerusi melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus negeri.</p> <p>22.3. Naib Pengerusi</p> <p>22.3.1. Menjalankan tugas Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi;</p> <p>22.3.2. Membantu Pengerusi melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus 4B negeri.</p> <p>22.4. Naib Pengerusi Wanita</p> <p>22.4.1. Membantu tugas-tugas Pengerusi dalam hal ehwal wanita;</p> <p>22.4.2. Menyelaras pentadbiran dan kegiatan wanita.</p> <p>22.5. Setiausaha</p> <p>22.5.1. Bertanggungjawab kepada Pengerusi;</p> <p>22.5.2. Melaporkan kepada Pengerusi segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan pejabat;</p> <p>22.5.3. Mengendalikan urusan surat-menyerat, penyimpanan rekod, fail, dokumen-dokumen dan lain-lainnya dengan teratur;</p> <p>22.5.4. Mengemaskini daftar ahli;</p> <p>22.5.5. Mengurus panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Pengerusi serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;</p> <p>22.5.6. Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan pelaporan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan;</p> <p>22.5.7. Menjadi Setiausaha kepada Majlis Lembaga Penasihat;</p>

Fasal	Perkara
	<p>22.5.8. Mengemukakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan.</p> <p>22.6. Penolong Setiausaha</p> <p> 22.6.1. Membantu Setiausaha menjalankan tugasnya;</p> <p> 22.6.2. Memangku jawatan Setiausaha dalam masa ketiadaannya.</p> <p>22.7. Bendahari</p> <p> 22.7.1. Menguruskan hal berkaitan kewangan</p> <p> 22.7.2. Mengemaskini semua rekod kewangan;</p> <p> 22.7.3. Menandatangani segala cek-cek Belia 4B bersama-sama dengan Pengerusi;</p> <p> 22.7.4. Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.</p> <p>22.8. Ketua Penerangan</p> <p> 22.8.1. Menjalankan tugas-tugas penerangan di peringkat Cawangan.</p> <p> 22.8.2. Melaporkan kepada Ketua Cawangan tentang tugas-tugas tersebut.</p> <p>22.9. Ahli Jawatankuasa Kerja</p> <p> 22.9.1. Membantu dalam pentadbiran dan pengurusan secara keseluruhan dan melaksanakan aktiviti yang dijalankan.</p>
23.	SUSUNAN DAN PENTADBIRAN KAWASAN
	<p>23.1. Belia 4B Kawasan hendaklah ditubuhkan di setiap Kawasan Pilihanraya Dewan Rakyat.</p> <p>23.2. Penubuhan Belia 4B Kawasan hendaklah dengan persetujuan dan kelulusan Majlis Kerja Tertinggi.</p> <p>23.3. Belia 4B Kawasan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya lima (5) buah cawangan.</p> <p>23.4. Pentadbiran Belia 4B Kawasan adalah dibawah kekuasaan dan arahan Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan tetapi Mesyuarat Agung Perwakilan itu sendiri tertakluk dibawah Perlembagaan ini.</p>
24.	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KAWASAN
	<p>24.1. Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan diadakan pada tiap-tiap tahun tidak lewat dari 30 April, tetapi dengan kehendak Pengerusi Kawasan dan kebenaran Jawatankuasa Kerja Negeri, bolehlah didahului atau ditangguhkan dan selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri.</p>

Fasal	Perkara
	<p>24.2. Mesyuarat Agung Perwakilan 4B Kawasan terdiri daripada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 24.2.1. Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap; 24.2.2. Jawatankuasa Kerja Kawasan; 24.2.3. Tidak lebih sepuluh (10) orang Wakil Cawangan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan; 24.2.4. Seorang Wakil Jawatankuasa Kerja Negeri. <p>24.3. Notis Mesyuarat Agung Perwakilan, Agenda, Laporan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan itu diadakan, segala usul-usul dan cadangan-cadangan hendaklah sampai ke tangan Setiausaha Kawasan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan.</p> <p>24.4. Korum Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan hendaklah tidak kurang Satu pertiga (1/3) daripada bilangan perwakilan yang sepatutnya hadir. Sekiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan persidangan itu kepada satu masa lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Kawasan dan jika kemudian korum masih tidak mencukupi juga apabila mesyuarat semula diadakan, ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan persidangan seperti yang telah ditetapkan tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan ini.</p> <p>24.5. Setiausaha Kawasan hendaklah menyediakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia dan dihantar kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari persidangan diadakan.</p> <p>24.6. Agenda Mesyuarat Agung mengandungi antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> 24.6.1. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang lalu; 24.6.2. Menerima dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kerja / Jawatankuasa Gerak berkenaan aktiviti dalam sepanjang tahun; 24.6.3. Menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu; 24.6.4. Membincangkan hal-hal yang dibentangkan didalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan; 24.6.5. Memilih wakil-wakil kawasan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri atas kadar dua (2) orang Wakil tiap-tiap kawasan dan tambahan seorang wakil untuk tiap-tiap genap 30 orang ahli selebihnya yang telah menjelaskan yuran tahunan tetapi tidak lebih daripada 10 orang wakil. 24.6.6. Memilih Jawatankuasa Kerja, Pengurus Tetap dan Timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit Dalaman tiap-tiap tiga (3) tahun sekali;

Fasal	Perkara
	<p>24.6.7. Mencadangkan calon Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Negeri, Pengerusi Tetap dan Timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit, tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.</p>
25.	<p>MESUARAT AGUNG KHAS KAWASAN</p> <p>25.1. Mesyuarat Agung Khas Kawasan yang sama seperti Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan bolehlah diadakan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:-</p> <p>25.1.1. Dengan permintaan bertulis dua pertiga (2/3) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kawasan menyatakan sebab perlunya Mesyuarat Agung Khas diadakan;</p> <p>25.1.2. Dengan permintaan bertulis dari sekurang-kurangnya lima (5) cawangan yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas dalam perkara yang sama, dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya. Persidangan hendaklah diadakan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan surat permohonan;</p> <p>25.2. Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah dihantarkan kepada Setiausaha Cawangan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja kawasan tujuh (7) hari sebelum tarikh persidangan, perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam perhimpunan.</p> <p>25.3. Peraturan Fasal 24.4. adalah dipakai untuk menjalankan Mesyuarat Agung Khas ini, tetapi jika ditangguhkan kerana tidak cukup korum; dan korum tidak juga mencukupi apabila perhimpunan semula diadakan, maka perhimpunan hendaklah dibatalkan.</p> <p>25.4. Satu salinan rangka minit Mesyuarat Agung Khas hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Cawangan dan Setiausaha Negeri dengan segera setelah selesai mesyuarat.</p>
26.	<p>JAWATANKUASA KERJA KAWASAN</p> <p>26.1. Jawatankuasa Kerja Kawasan adalah badan yang menjalankan pentadbiran dan hal ehwal Belia 4B kawasan dibawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Perwakilan kawasan dan tertakluk kepada Perlembagaan ini.</p> <p>26.2. Jawatankuasa Kerja Kawasan mengandungi:-</p> <p>26.2.1. Seorang Pengerusi;</p> <p>26.2.2. Seorang Naib Pengerusi;</p> <p>26.2.3. Seorang Naib Pengerusi Wanita;</p> <p>26.2.4. Seorang Setiausaha;</p> <p>26.2.5. Seorang Penolong Setiausaha</p> <p>26.2.6. Seorang Bendahari;</p> <p>26.2.7. Seorang Ketua Penerangan;</p> <p>26.2.8. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kawasan yang terdiri daripada:</p> <p>26.2.8.1. Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang ahli yang dipilih oleh mesyuarat;</p>

Fasal	Perkara
	<p>26.2.8.2. Tidak lebih daripada lima (5) orang ahli yang dilantik oleh pengerusi kawasan.</p> <p>26.3. Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan tidak lebih lima (5) orang ahli Jawatankuasa Kerja hendaklah dilantik oleh Pengerusi dan berkhidmat selama tempoh Jawatankuasa Kawasan melainkan ia minta berhenti atau diberhentikan,</p> <p>26.4. Jawatankuasa Kerja Kawasan hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan, atau</p> <p>26.4.1. Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pengerusi Kawasan,</p> <p>26.4.2. Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kawasan.</p> <p>26.5. Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja akan diuruskan oleh Setiausaha. Satu perdua (1/2) daripada ahli-ahlinya hadir cukup korum;</p> <p>26.6. Jika Pengerusi dan Naib Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripadanya menjadi pengerusi mesyuarat,</p> <p>26.7. Apabila sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan Jawatankuasa dengan serta merta dan tidak dapat diadakan mesyuarat, maka bolehlah Setiausaha dengan persetujuan Pengerusi mendapatkan keputusan dengan mengedarkan Surat Pekeliling kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan dicatatkan segala keputusan dalam minit mesyuarat yang berikut.</p>
27.	<p>KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA KAWASAN</p> <p>Kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Kerja Kawasan adalah seperti berikut:</p> <p>27.1. Berkuasa melantik Jawatankuasa Kerja Kawasan untuk mengemaskini perjalanan Belia 4B kawasan;</p> <p>27.2. Membentuk asas, dasar dan rancangan dalam melaksanakan Fasal 6 Perlembagaan ini;</p> <p>27.3. Berikhtiar menolong menubuhkan cawangan Belia 4B dan menyesuaikan perjalannya mengikut Perlembagaan ini; dan memerhati serta mengawal perjalanan cawangan yang ada di dalam kawasan itu.</p> <p>27.4. Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan Belia 4B kawasan termasuk maju mundurnya, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Dalam.</p> <p>27.5. Akan memberikan nasihat kepada mana-mana cawangan dalam Kawasan ini, yang berbangkit perselisihan faham dikalangan ahli-ahli ataupun Jawatankuasa Kerja Cawangan itu.</p> <p>27.6. Menimbang dan memutuskan segala rayuan dan permohonan daripada persatuan yang telah dimajukan kepada setiausaha Belia 4B kawasan.</p> <p>27.7. Segala rayuan dan permohonan daripada ahli yang telah dimajukan kepada Setiausaha Kawasan hendaklah diangkat kepada Majlis Kerja Tertinggi untuk diputuskan.</p>

Fasal	Perkara
28.	<p>TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA KAWASAN</p> <p>28.1. Pengerusi</p> <p>28.1.1. Menjadi ketua yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan dan pentadbiran Belia 4B Kawasan;</p> <p>28.1.2. Melantik dan menggugurkan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan lima (5) orang ahli Jawatankuasa Kerja;</p> <p>28.1.3. Memanggil dan mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa;</p> <p>28.1.4. menandatangani cek-cek bersama-sama dengan Bendahari;</p> <p>28.1.5. Mewakili Jawatankuasa Kerja Kawasan dalam Majlis Lembaga Penasihat.</p> <p>28.2. Naib Pengerusi</p> <p>28.2.1. Menjalankan tugas pengerusi semasa ketiadaan pengerusi;</p> <p>28.2.2. Membantu Pengerusi melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus 4B kawasan.</p> <p>28.3. Naib Pengerusi Wanita</p> <p>28.3.1. membantu tugas-tugas Pengerusi dalam hal ehwal wanita;</p> <p>28.3.2. menyelaras pentadbiran dan kegiatan wanita.</p> <p>28.4. Setiausaha</p> <p>28.4.1. Bertanggungjawab kepada Pengerusi;</p> <p>28.4.2. Melaporkan kepada Pengerusi segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan pejabat;</p> <p>28.4.3. Mengendalikan urusan surat-menyerat, penyimpanan rekod, fail, dokumen-dokumen dan lain-lainnya dengan teratur;</p> <p>28.4.4. Mengemaskini daftar ahli;</p> <p>28.4.5. Mengurus panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Pengerusi serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;</p> <p>28.4.6. Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan pelaporan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan;</p> <p>28.4.7. Menjadi Setiausaha kepada Majlis Lembaga Penasihat;</p> <p>28.4.8. Mengemukakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan.</p> <p>28.5. Penolong Setiausaha</p> <p>28.5.1. Penolong Setiausaha adalah bertanggungjawab membantu Setiausaha menjalankan tugas-tugasnya;</p>

Fasal	Perkara
	<p>28.5.2. Memangku jawatan Setiausaha semasa ketiadaannya.</p> <p>28.6. Bendahari</p> <p>28.6.1. Menguruskan hal berkaitan kewangan;</p> <p>28.6.2. Mengemaskini semua rekod kewangan;</p> <p>28.6.3. Menandatangani segala cek-cek Belia 4B bersama-sama dengan Pengerusi;</p> <p>28.6.4. Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.</p> <p>28.7. Ketua Penerangan</p> <p>28.7.1. Menjalankan tugas-tugas penerangan di peringkat Cawangan.</p> <p>28.7.2. Melaporkan kepada Ketua Cawangan tentang tugas-tugas tersebut.</p> <p>28.7. Ahli Jawatankuasa Kerja</p> <p>28.7.1. Membantu dalam pentadbiran dan pengurusan secara keseluruhan dan melaksanakan aktiviti yang dijalankan.</p>
29.	SUSUNAN PENTADBIRAN CAWANGAN
	<p>29.1. Penubuhan Cawangan hendaklah dengan persetujuan dan kelulusan Majlis Kerja Tertinggi dan mendapat sokongan dari Jawatankuasa Kerja Kawasan.</p> <p>29.2. Belia 4B Cawangan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 30 orang ahli.</p> <p>29.3. Penubuhan Cawangan adalah dikelolakan oleh Jawatankuasa Kerja Kawasan yang berkenaan.</p> <p>29.4. Pentadbiran Belia 4B Cawangan adalah dibawah kekuasaan dan arahan Mesyuarat Agung Cawangan, tetapi Mesyuarat Agung itu sendiri tertakluk dibawah Perlembagaan ini.</p>
30.	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN
	<p>30.1. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 31 Mac; tetapi dengan kehendak Ketua Cawangan dan kebenaran Jawatankuasa Kerja Kawasan bolehlah didahulukan atau ditangguhkan selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh diadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan.</p> <p>30.2. Mesyuarat Agung Cawangan terdiri daripada:-</p> <p>30.2.1. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap;</p> <p>30.2.2. Jawatankuasa Kerja Cawangan;</p> <p>30.2.3. Semua Ahli-ahli Cawangan;</p> <p>30.2.4. Seorang Wakil Jawatankuasa Kerja Kawasan.</p>

Fasal	Perkara
	<p>30.3. Notis Mesyuarat Agung Cawangan, Agenda, Laporan Dan Penyata Kewangan Cawangan yang telah di audit bagi tahun yang lalu dihantar kepada semua ahli-ahli cawangan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat. Segala usul-usul disampaikan kepada setiausaha cawangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat.</p> <p>30.4. Korum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah tidak kurang Satu pertiga (1/3) daripada ahli-ahli cawangan yang telah menjelaskan yuran. Sekiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan itu kepada satu masa lain yang akan ditetapkan oleh Jawantankuasa Kerja Cawangan dan jika kemudiannya korum tidak juga cukup, maka ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan persidangan tetapi tidak berkuasa membuat keputusan mengenai rancangan-rancangan untuk cawangan.</p> <p>30.5. Setiausaha Cawangan bertanggungjawab menyediakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia. Penyata Tahunan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari persidangan diadakan.</p> <p>30.6. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan mengandungi antara lain:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 30.6.1. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu; 30.6.2. Menerima dan mengesahkan Laporan berkenaan aktiviti dalam sepanjang tahun; 30.6.3. Menerima dan meluluskan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu; 30.6.4. Membincangkan hal-hal yang dibentangkan didalam Mesyuarat Agung Tahunan; 30.6.5. Memilih wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan mengikut kadar dua (2) orang wakil, termasuk Ketua Cawangan bagi tiga puluh (30) orang ahli pertama dan tambahan seorang wakil tiap-tiap genap sepuluh (10) orang ahli selebihnya yang telah menjelaskan yurannya. Ketua Cawangan yang menjadi ahli Jawatankuasa Kawasan berhak memilih gantinya terdiri dari ahli-ahli cawangan. 30.6.6. Memilih Jawatankuasa Kerja, Pengurus Tetap dan timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit Dalaman tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. 30.6.7. Mencadangkan calon-calon Jawatankuasa Kerja Kawasan, Pengurus Tetap dan Timbalannya dan dua (2) orang Juruaudit tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
31.	<p>MESYUARAT AGUNG KHAS CAWANGAN</p> <p>31.1. Mesyuarat Agung Khas Cawangan yang sama seperti Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan bolehlah diadakan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> 31.1.1. Dengan kehendak Jawatankuasa Kerja Kawasan; 31.1.2. Dengan kehendak Ketua Cawangan; 31.1.3. Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Kerja Cawangan;

Fasal	Perkara
	<p>31.1.4. Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) dari ahli-ahli cawangan dengan menyatakan sebab perlunya mesyuarat agung khas diadakan; Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah diadakan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada diterima permintaan tersebut;</p> <p>31.2. Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah dihantarkan kepada ahli-ahli cawangan tujuh (7) hari dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kawasan. Perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam mesyuarat.</p> <p>31.3. Peraturan Fasal 30.4. adalah dipakai untuk menjalankan Mesyuarat Agung Khas ini, tetapi jika ditangguhkan kerana tidak cukup korum dan korum tidak juga mencukupi apabila persidangan semula diadakan, maka persidangan hendaklah dibatalkan.</p> <p>31.4. Satu salinan rangka minit Mesyuarat Agung Khas hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kawasan dan Setiausaha Negeri dengan segera setelah selesai mesyuarat.</p>
32.	<p>JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN</p> <p>32.1. Jawatankuasa Kerja Cawangan adalah badan yang menjalankan pentadbiran dan hal ehwal Belia 4B Cawangan dibawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan tertakluk kepada Perlembagaan ini.</p> <p>32.2. Jawatankuasa Kerja Cawangan mengandungi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 32.2.1. Seorang Ketua 32.2.2. Seorang Naib Ketua 32.2.3. Seorang Naib Ketua Wanita 32.2.4. Seorang Setiausaha 32.2.5. Seorang Penolong Setiausaha 32.2.6. Seorang Bendahari 32.2.7. Seorang Ketua Penerangan 32.2.8. Ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada:- <ul style="list-style-type: none"> 32.2.8.1. Tidak lebih dari sepuluh (10) orang ahli yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan; 32.2.8.2. Tidak lebih dari lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan. <p>32.3. Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan tidak lebih lima (5) orang ahli Jawatankuasa Kerja hendaklah dilantik oleh Ketua Cawangan dan berkhidmat selama tempoh Jawatankuasa Cawangan melainkan ia minta berhenti atau diberhentikan,</p> <p>32.4. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja cawangan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan, atau</p> <ul style="list-style-type: none"> 32.4.1. Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua,

Fasal	Perkara
	<p>32.4.2. Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan.</p> <p>32.5. Panggilan mesyuarat akan diuruskan oleh Setiausaha Cawangan. Satu perdua (1/2) daripada ahli-ahlinya Jawatankuasa Kerja hadir, cukup korum;</p> <p>32.6. Jika Pengerusi dan Naib Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat, maka ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripadanya menjadi pengerusi mesyuarat,</p> <p>32.7. Apabila sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan jawatankuasa dengan serta merta dan tidak dapat diadakan mesyuarat, maka bolehlah Setiausaha dengan persetujuan Ketua mendapatkan keputusan dengan mengedarkan Surat Pekeliling kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan dicatatkan segala keputusan dalam minit mesyuarat yang berikut.</p>
33.	<p>KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN</p> <p>Kewajipan dan kuasa jawatankuasa kerja cawangan adalah seperti berikut:-</p> <p>33.1. Melaksanakan dasar dan rancangan Belia 4B.</p> <p>33.2. Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil untuk mengemaskini perjalanan Cawangan.</p> <p>33.3. Menyesuaikan perjalannnya mengikut Perlembagaan Belia 4B dan memerhati serta mengawal Perjalanan Cawangan.</p> <p>33.4. Membentangkan kepada mesyuarat agung satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan cawangan termasuk maju mundurnya, kekuatan dan kelemahan serta penyata kewangan yang telah diperiksa dan disahkan oleh salah seorang Juruaudit Dalam.</p>
34.	<p>TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA CAWANGAN</p> <p>34.1. Ketua</p> <p>34.1.1. Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kerja Kawasan dan Negeri atas kesempurnaan pengurusan dan pentadbiran cawangan;</p> <p>34.1.2. Melantik dan menggugurkan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Kerja;</p> <p>34.1.3. Mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat jawatan kuasa;</p> <p>34.1.4. Menandatangani cek-cek bersama-sama dengan Bendahari;</p> <p>34.1.5. Mewakili Jawatankuasa Kerja dalam Majlis Lembaga Penasihat.</p> <p>34.2. Naib Ketua</p> <p>34.2.1. Menjalankan tugas Ketua semasa ketiadaan Ketua ;</p> <p>34.2.2. Membantu Ketua melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus cawangan.</p>

Fasal	Perkara
	<p>34.3. Naib Ketua Wanita</p> <p>34.3.1. Membantu tugas-tugas Ketua dalam hal ehwal wanita;</p> <p>34.3.2. Menyelaras pentadbiran dan kegiatan wanita.</p> <p>34.4. Setiausaha</p> <p>34.4.1. Bertanggungjawab kepada Ketua ;</p> <p>34.4.2. Melaporkan kepada ketua segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan pejabat;</p> <p>34.4.3. Mengendalikan urusan surat-menyurat, penyimpanan rekod, fail, dokumen-dokumen dan lain-lainnya dengan teratur;</p> <p>34.4.4. Mengemaskini daftar ahli;</p> <p>34.4.5. Mengurus panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan ketua serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;</p> <p>34.4.6. Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan laporan Mesyuarat Agung Tahunan;</p> <p>34.4.7. Menjadi Setiausaha kepada Majlis Lembaga Penasihat;</p> <p>34.4.8. Mengemukakan Penyata Tahunan untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan</p> <p>34.5. Penolong Setiausaha.</p> <p>34.5.1. Penolong Setiausaha adalah bertanggungjawab membantu Setiausaha menjalankan tugas-tugasnya;</p> <p>34.5.2. Memangku jawatan Setiausaha semasa ketiadaannya.</p> <p>34.6. Bendahari</p> <p>34.6.1. Menguruskan hal berkaitan kewangan;</p> <p>34.6.2. Mengemaskini semua rekod kewangan;</p> <p>34.6.3. Menandatangani segala cek-cek Belia 4B bersama-sama dengan Ketua;</p> <p>34.6.4. Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat agung perwakilan tahunan.</p> <p>34.7. Ketua Penerangan</p> <p>34.7.1. Menjalankan tugas-tugas penerangan di peringkat Cawangan.</p> <p>34.7.2. Melaporkan kepada Ketua Cawangan tentang tugas-tugas tersebut.</p>

Fasal	Perkara
	<p>34.7. Ahli Jawatankuasa Kerja</p> <p>34.7.1. Membantu dalam pentadbiran dan pengurusan secara keseluruhan dan melaksanakan aktiviti yang dijalankan.</p>
35.	<p>PEMEGANG AMANAH DAN HARTA BENDA</p> <p>35.1. Belia 4B peringkat kebangsaan, negeri, kawasan dan cawangan bolehlah memiliki tanah, bangunan dan lain-lain harta benda serta bolehlah membeli, meminjam, mencagarkan dan memindah milik harta benda dengan jalan yang sah. Semua tanah, bangunan dan lain-lain harta benda kecuali wang dalam bank bolehlah diamanahkan kepada badan pemegang amanah.</p> <p>35.2. Pemegang-pemegang Amanah hendaklah terdiri daripada :-</p> <p>35.2.1. Presiden / Pengurus / Ketua;</p> <p>35.2.2. Setiausaha Agung / Setiausaha Negeri / Setiausaha Kawasan / Setiausaha Cawangan;</p> <p>35.2.3. Bendahari Agung / Bendahari Negeri / Bendahari Kawasan/ Bendahari Cawangan;</p> <p>35.3. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan tanah, bangunan dan lain-lain harta benda itu.</p> <p>35.4. Negeri adalah berhak atas tanah bangunan dan lain-lain harta benda sesebuah cawangan atau kawasan yang dibubarkan.</p> <p>35.5. Kebangsaan adalah berhak atas tanah, bangunan dan lain-lain harta benda Belia 4B negeri yang dibubarkan.</p> <p>35.6. Jawatankuasa sesebuah negeri, kawasan dan cawangan berkuasa membuat peraturan-peraturan yang selaras dengan Perlembagaan dengan harta benda masing-masing.</p>
36.	<p>LEMBAGA PENASIHAT</p> <p>36.1. Semua peringkat Belia 4B mempunyai Lembaga Penasihat masing-masing yang dilantik oleh Jawatankuasa peringkat masing-masing.</p> <p>36.2. Lembaga Penasihat hendaklah menasihatkan Belia 4B mengenai segala perkara yang dirujukkan kepadanya.</p> <p>36.3. Ahli-ahli Lembaga Penasihat hendaklah berkhidmat selama tiga (3) tahun.</p> <p>36.4. Pengurus Lembaga Penasihat Belia 4B adalah Presiden / Pengurus Negeri / Pengurus Kawasan / Ketua Cawangan dan tidak lebih dari sepuluh (10) orang Jawatankuasa.</p> <p>36.5. Setiausaha Agung, Setiausaha Negeri, Kawasan dan Cawangan adalah menjadi Setiausaha kepada Lembaga Penasihat peringkat masing-masing.</p> <p>36.6. Mesyuarat Lembaga Penasihat tidak memerlukan korum.</p>

Fasal	Perkara						
37.	<p>DISIPLIN</p> <p>37.1. Tindakan disiplin boleh diambil di atas ahli yang melanggar tanggungjawab yang terkandung dalam Fasal 9 Perlembagaan ini.</p> <p>37.2. Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan, Negeri, Kawasan dan Cawangan bolehlah melaporkan ahli-ahli yang didapati melanggar disiplin Belia 4B kepada Jawatankuasa Disiplin Belia 4B Kebangsaan untuk tindakan yang sewajarnya</p> <p>37.3. Ahli-ahli 4B yang melanggar disiplin Belia 4B boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> 37.3.1. Diberi amaran; 37.3.2. Digantung hak-haknya di dalam Belia 4B; 37.3.2. Dipecat. <p>37.4. Seseorang ahli yang tidak puas hati dengan keputusan Jawatankuasa Disiplin Belia 4B Negeri bolehlah merayu kepada Jawatankuasa Disiplin Belia 4B Kebangsaan dan keputusan Jawatankuasa Disiplin Belia 4B Kebangsaan adalah muktamad.</p> <p>37.5. Majlis Kerja Tertinggi berhak mengadakan peraturan-peraturan dengan disiplin dalam 4B.</p>						
38.	<p>KAD AHLI</p> <p>38.1. Tiap-tiap seorang hendaklah mempunyai sekeping Kad Pengenalan Ahli;</p> <p>38.2. Kad Pengenalan Ahli itu hanyalah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung;</p> <p>38.3. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peraturan berkenaan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan kad pengenalan ahli itu.</p>						
39.	<p>PUNCA PENDAPATAN</p> <p>39.1. Punca Pendapatan Belia 4B diperolehi daripada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 39.1.1. Yuran 39.1.2. Derma-derma 39.1.3. Ikhtiar-ikhtiar lain yang dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi dan Jawatankuasa Negeri, Kawasan dan Cawangan. <p>39.2. Tahun Kewangan Belia 4B ialah mulai 1 Januari hingga 31 Disember;</p> <p>39.3. Setiausaha Cawangan, Kawasan dan Negeri hendaklah menghantarkan kepada Setiausaha Agung, Penyata Penerimaan dan Pembayaran, Imbangan Kira-kira bagi tahun kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.</p>						
40.	<p>YURAN</p> <p>40.1. Yuran Ahli adalah seperti yang berikut:-</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 40%;">40.1.1. Bayaran Masuk</td> <td style="width: 10%; text-align: center;">-</td> <td style="width: 50%;">RM 2.00</td> </tr> <tr> <td>40.1.2. Yuran Tahunan</td> <td style="text-align: center;">-</td> <td>RM 1.00</td> </tr> </table> <p>40.2. Semua yuran tahunan hendaklah dijelaskan tiap-tiap tahun.</p>	40.1.1. Bayaran Masuk	-	RM 2.00	40.1.2. Yuran Tahunan	-	RM 1.00
40.1.1. Bayaran Masuk	-	RM 2.00					
40.1.2. Yuran Tahunan	-	RM 1.00					

Fasal	Perkara								
	<p>40.3. Seseorang yang terhenti dari menjadi ahli kerana tunggakkan yuran bolehlah memohon semula menjadi ahli mengikut Perlembagaan ini dengan syarat pemohon menjelaskan segala tunggakkan yuran.</p>								
41.	<p>CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG</p> <p>41.1. Kewangan Belia 4B bolehlah dibelanjakan untuk perkara-perkara yang berikut:-</p> <p>41.1.1. Bayaran dan perbelanjaan pentadbiran yang dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi, Negeri, Kawasan dan Cawangan.</p> <p>41.1.2. Bayaran mencetak, menerbit dan mengedar sebarang surat berita, majalah dan lain-lain penerbitan yang diterbitkan oleh Belia 4B untuk melaksanakan dan menjayakan tujuan-tujuannya.</p> <p>41.1.3. Bayaran gaji, imbuhan dan perbelanjaan kepada pegawai-pegawai Belia 4B.</p> <p>41.1.4. Bayaran yuran-yuran yang sah yang telah dipersetujukan dalam Mesyuarat Agung.</p> <p>41.1.5. Menyewa, membeli atau mendirikan rumah atau bangunan untuk urusan Belia 4B.</p> <p>41.1.6. Membayai segala rancangan-rancangan yang selaras dengan tujuan-tujuan Belia 4B.</p> <p>41.2. Semua kewangan yang lebih daripada jumlah yang dibenarkan dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Majlis Kerja Tertinggi, Negeri, Kawasan dan Cawangan tidak lewat dari tujuh (7) hari adanya kelebihan itu.</p> <p>41.3. Bendahari disemua peringkat, dibenarkan memegang wang tunai sebagaimana berikut:-</p> <table> <tr> <td>41.3.1. Kebangsaan</td> <td>RM 1,000.00</td> </tr> <tr> <td>41.3.2. Negeri</td> <td>RM 500.00</td> </tr> <tr> <td>41.3.3. Kawasan</td> <td>RM 300.00</td> </tr> <tr> <td>41.3.4. Cawangan</td> <td>RM 100.00</td> </tr> </table> <p>dan tidak boleh membelanjakan dari yang dinyatakan di atas pada suatu masa tanpa kebenaran Jawatankuasa mereka.</p> <p>41.4. Ahli-ahli jawatankuasa dan Ahli-ahli boleh memeriksa buku-buku kewangan dan daftar ahli pada bila-bila masa yang munasabah dengan syarat membuat permintaan terlebih dahulu.</p> <p>41.5. Semua harta Belia 4B akan dimiliki atas nama Pemegang Amanah bersama-sama Kewangan Belia 4B yang tidak dikehendaki untuk urusan pentadbiran dan kegiatan boleh digunakan untuk menanam modal dalam Jaminan Amanah (Trustee Securities) dengan syarat jawatankuasa berkuasa itu digunakan untuk menanam modal dalam sebarang jaminan yang dipersetujui. Wang yang dipermodalkan itu hendaklah dipermodalkan lagi atas nama Pemegang Amanah dan mereka itu akan memegang bagi pihak Belia 4B.</p>	41.3.1. Kebangsaan	RM 1,000.00	41.3.2. Negeri	RM 500.00	41.3.3. Kawasan	RM 300.00	41.3.4. Cawangan	RM 100.00
41.3.1. Kebangsaan	RM 1,000.00								
41.3.2. Negeri	RM 500.00								
41.3.3. Kawasan	RM 300.00								
41.3.4. Cawangan	RM 100.00								

Fasal	Perkara
	<p>41.6. Yuran yang ditetapkan menurut Fasal 40.1 di atas bolehlah dibahagikan dan diuntukkan sebanyak yang dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi bagi penggunaan negeri, kawasan dan cawangan.</p> <p>41.7. Tiap-tiap ahli hendaklah membayar kepada Pejabat Setiausaha Agung suatu bayaran yuran pada tiap-tiap tahun sebanyak yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dari satu masa ke satu masa.</p> <p>41.8. Jika seseorang ahli tidak menjelaskan yuran tahunannya dengan tiada sebab yang munasabah maka tidaklah ia diktirafkan menjadi ahli.</p> <p>41.9. Tahun yuran yang dimaksudkan dalam Fasal 40.1.1 dan 40.1.2. adalah dikira mengikut tahun kewangan.</p> <p>41.10. Belia 4B Kebangsaan adalah berhak di atas semua wang tunai di tangan ataupun wang simpanan dalam Bank dalam mana-mana badan kewangan bagi Belia 4B Negeri yang telah dibubarkan.</p> <p>41.11. Jawatankuasa Kerja Negeri adalah berhak di atas semua wang tunai di tangan ataupun wang simpanan dalam Bank dalam mana-mana badan kewangan bagi sesebuah kawasan atau cawangan yang telah dibubarkan.</p> <p>41.12 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan Belia 4B bagi semua peringkat.</p>
42.	<p>JURUAUDIT</p> <p>42.1. Juruaudit Dalam</p> <p>42.1.1. Belia 4B peringkat Kebangsaan, Negeri, Kawasan dan Cawangan hendaklah melantik 2 orang Juruaudit Dalaman yang bukan terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa untuk memeriksa kira-kira masing-masing pada penghujung tiap-tiap bulan dan mengemukakan laporan mereka kepada Jawatankuasa.</p> <p>42.1.2. Kedua-dua Juru Audit Dalam hendaklah membuat audit bersama-sama ke atas kira-kira dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan yang diedarkan oleh Bendahari pada peringkat masing-masing.</p> <p>42.1.3. Juruaudit berhak melihat dan memeriksa resit-resit, baucer-baucer dan lain-lain surat keterangan yang perlu untuk menyempurnakan tugas-tugas mereka.</p> <p>42.1.4. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta Belia 4B Negeri, Kawasan dan Cawangan. Kawasan berkuasa memeriksa kira-kira wang dan harta Cawangan.</p> <p>42.1.5. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan yang berkenaan dengan kira-kira itu.</p> <p>42.2. Juruaudit Luar.</p> <p>42.2.1 Perhimpunan Agung hendaklah melantik sebuah syarikat Juruaudit Bertauliah yang diakui oleh kerajaan untuk memeriksa kira-kira wang dan harta Belia 4B peringkat kebangsaan.</p>

Fasal	Perkara
43.	<p>PERATURAN MESUARAT</p> <p>43.1. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat Peraturan Mesuarat dengan syarat tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan ini.</p> <p>43.2. Peraturan Mesuarat Belia 4B adalah disifatkan sebahagian daripada Perlembagaan ini dan mempunyai kuatkuasa sedemikian itu, setelah mendapat kelulusan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia.</p> <p>43.3. Peraturan Mesuarat Belia 4B bolehlah dipinda atau dimansuhkan dengan satu ketetapan menurut kelebihan undi.</p> <p>43.4. Peraturan Mesuarat Belia 4B hendaklah dipakai untuk mesuarat-mesuarat Belia 4B di semua peringkat.</p>
44.	<p>PERTIKAIAN DALAMAN</p> <p>44.1. Jika berlaku pertikaian dalam Mesuarat Agung di semua peringkat, bantahan atau aduan hendaklah dibuat dengan bertulis kepada Majlis Kerja Tertinggi dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh (7) hari dari tarikh mesuarat tersebut diadakan;</p> <p>44.2. Tidak tertakluk kepada Fasal 44.1 sebarang bantahan atau aduan hendaklah dibuat bertulis dengan mengemukakan bukti-bukti dan saksi-saksi yang relevan dengan bantahan atau aduan tersebut kepada Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>44.3. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menubuahkan sebuah jawatankuasa penyiasatan untuk menjalankan siasatan dan mengemukakan laporan kepada Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>44.4. Majlis Kerja Tertinggi akan menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul dikalangan ahli-ahli dan keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad.</p>
45.	<p>LARANGAN</p> <p>45.2 Menjalankan segala bentuk perjudian yang bertentangan dengan undang-undang Malaysia didalam rumah atau premis pertubuhan;</p> <p>45.3 Menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama pertubuhan atau pemegang jawatan dengan tidak mendapat kebenaran bertulis Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>45.4 Tidak tertakluk kepada Fasal 39.1.2. dan Fasal 39.1.3. Perlembagaan, adalah menjadi satu kesalahan menggunakan atau melantik ejen atas nama pertubuhan atau pemegang jawatan untuk membuat kutipan sumbangan, derma, penjualan iklan buku cenderamata dan apa juga cara dengan tidak mendapat kebenaran bertulis Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>45.5 Menyertai atau menganggotai kumpulan atau individu yang menjalankan aktiviti yang boleh menggugat keselamatan Negara yang tidak mendapat kebenaran undang-undang.</p>

Fasal	Perkara
	<p>45.6 Tidak dibenarkan bergabung dengan mana-mana parti siasah dan badan-badan yang berhubungan dengan siasah.</p> <p>45.7 Ahli-ahli yang disabitkan, boleh dikenakan hukuman dibawah Fasal 40 Perlembagaan ini.</p>
46.	MEMINDA PERLEMBAGAAN
	<p>46.1. Perlembagaan ini atau sebarang bahagian daripadanya boleh dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujukan oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) wakil-wakil yang hadir dalam Perhimpunan Agung dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan meminda Perlembagaan, untuk mendapat kebenarannya;</p> <p>46.2. Satu ketetapan hendak meminda atau memansuhkan Perlembagaan ini hendaklah dihantarkan kepada Setiausaha mengikut syarat di dalam peraturan mesyuarat Belia 4B;</p> <p>46.3. Setiap pindaan akan berjalan kuatkuasanya mulai tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia.</p>
47.	KUASA SEMENTARA MENGELOLA BELIA 4B
	<p>47.1. Perlembagaan ini berjalan kuatkuasanya daripada tarikh yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia, akan tetapi sebarang perbuatan atau pekerjaan yang telah diperbuat oleh Belia 4B terlebih dahulu daripada Perlembagaan ini adalah sah, walaupun perbuatan dan pekerjaan itu tidak sesuai atau tidak mengikut kehendak Perlembagaan ini.</p> <p>47.2. Maka dengan lulusnya Perlembagaan ini, mansuhlah Perlembagaan terdahulu dari ini dengan pindaan-pindaan atasnya.</p>
48.	PUNGUTAN SUARA
	<p>48.1. Dengan tidak tertakluk kepada sebarang fasal di atas dalam Perlembagaan ini, maka Majlis Kerja Tertinggi berkuasa mendapatkan sesuatu keputusan dengan cara pungutan suara (referendum).</p>
49.	PEMBUBARAN
	<p>49.1. Jika Belia 4B dibubarkan maka segala hutang dan tanggungan yang dibuat bagi pihak Belia 4B hendaklah diselesaikan dengan penuh dan baki wang dan harta benda yang tinggal akan dibahagikan menurut keputusan yang ditetapkan oleh mesyuarat Pembubaran.</p>

Fasal	Perkara
50.	TAFSIRAN 50.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran Perlembagaan ini atau peraturan mesyuarat Belia 4B yang dibuat dibawah kuatkuasanya maka tafsiran yang diberikan oleh Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad, jika tidak dipinda atau dibatalkan oleh Perhimpunan Agung.